

Tarikh : 10 Oktober 2019 Masa : 19:20

SEPERTI SENARAI EDARAN

Dari Pihak Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Penumpang-penumpang DOB yang dihormati,

PERINGATAN !

PENGAWALSELIAAN PERKHIDMATAN E-HAILING

Dengan segala hormatnya ,Tuan / Puan diminta merujuk perkara tersebut di atas.

1. Dengan semangat berkhidmat, dimaklumkan bahawa pengawalseliaan sepenuhnya terhadap perkhidmatan e-hailing akan dijalankan

pada 12 Oktober 2019. Bermula pada tarikh tersebut, semua penumpang-penumpang ,Rakan-rakan pemandu , dan pemilik kenderaan e-hailing perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

A. Lokasi pengambilan penumpang di KLIA dan KLIA 2

i. Semua pengambilan penumpang-penumpang e-hailing dari Lapangan terbang KLIA dan KLIA 2 adalah WAJIB dijalankan di ARAS 1 (LEVEL 1) tempat penungguan khas e-hailing SAHAJA.

ii. Petak-petak pengambilan penumpang e-hailing yang disediakan didalam kawasan pengambilan adalah TERHAD DENGAN MASA MENUNGGU SEHINGGA LIMA (5) MINIT SAHAJA bermula dari masa kenderaan rakan pemandu masuk kawasan.

TETAPI, RM10.00 akan dikenakan keatas mana-mana kenderaan yang LEWAT beredar dari kawasan pengambilan. Kerjasama dari pihak penumpang-penumpang DOB amatlah dihargai.

B. Lesen Vokasional PSV(Teksi/ E-hailing)

i. Hanya pemandu yang mempunyai Lesen PSV Teksi/ E-hailing sahaja dibenarkan untuk didaftarkan sebagai pemandu e-hailing.

ii. Rakan pemandu yang lulus pemeriksaan kesihatan dan LULUS Ujian Teori Vokasional tetapi belum mendapat Lesen PSV Teksi/ E-hailing adalah dibenarkan untuk didaftarkan sebagai pemandu e-hailing. Bagaimanapun, dokumen salinan JPJL8 atau JPJL8A dan salinan cetakan keputusan Ujian Teori Vokasional hendaklah dihantar oleh pemandu bagi rekod dan simpanan syarikat e-hailing.

**Perkara ii ,hanya dibenarkan sehingga

31 Disember 2019.

C. Pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM

i. Kenderaan yang berusia tiga (3) tahun dan ke atas, setelah didaftarkan sebagai kenderaan e-hailing (mempunyai eVP) hendaklah diarahkan menjalani pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM.

ii. Kenderaan yang berusia tiga (3) tahun dan ke atas dan masih belum mempunyai eVP tidak dibenarkan dibawa ke PUSPAKOM bagi pemeriksaan.

D. Insurans e-hailing dan pekat kenderaan e-hailing

i. Pihak Syarikat sentiasa memastikan perlindungan insurans bagi pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga telah tersedia sebelum perkhidmatan e-hailing dan eVP diberikan.

ii. Semua kenderaan e-hailing yang telah mempunyai eVP hendaklah mempamerkan pelekat kenderaan e-hailing sebagaimana yang diarahkan oleh JPJ dan pihak syarikat DOB.

2. Mana-mana rakan pemandu dan kenderaan yang gagal mematuhi kesemua perkara di atas bakal dikenakan tindakan penguatkuasaan dan pihak syarikat DOB ,antaranya adalah penggantungan atau pembatalan eVP, saman, denda atau sita kenderaan.

3. Pihak syarikat DOB ,Rakan-rakan pemandu dan pemilik kenderaan masing-masing terpaksa mematuhi kesemua keperluan di atas bagi memastikan kelancaran operasi penguatkuasa menjelang.

12 Oktober 2019.

Segala Kesulitan Amatlah Dikesali,

Sekian Terima Kasih

